

Bil. 2

**Selasa
20 Disember 2022**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan
(Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022

(Halaman 3)

USUL:

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023

(Halaman 15)

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:

Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] – Memindah Baki
Terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Kepada
Kumpulan Wang Pembangunan

(Halaman 21)

Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] – Memindah Baki
Terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Kepada
Kumpulan Wang COVID-19

(Halaman 22)

**KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN
20 DISEMBER 2022 (SELASA)**

Ahli-Ahli Yang Hadir:

- 1 Perdana Menteri Dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (Tambun)
- 2 Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi (Bagan Datuk)
- 3 Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Perladangan Dan Komoditi, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof (Petra Jaya)
- 4 Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
- 5 Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Tuan Haji Mohamad Bin Sabu (Kota Raja)
- 6 Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Haji Salahuddin Bin Ayub (Pulai)
- 7 Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Haji Mohamed Khaled Bin Nordin (Kota Tinggi)
- 8 Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
- 9 Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Dato' Sri Azalina Othman Said (Pengerang)
- 10 Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina Binti Sidek (Nibong Tebal)
- 11 Menteri Komunikasi Dan Digital, Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
- 12 Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, Pjn. (Kanowit)
- 13 Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
- 14 Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Haji Ahmad Bin Haji Maslan (Pontian)
- 15 Timbalan Menteri Kewangan, Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
- 16 Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah (Limbang)
- 17 Timbalan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)
- 18 Timbalan Menteri Ekonomi, Dato Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
- 19 Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Mohamad (Lipis)
- 20 Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah, (Lenggong)
- 21 Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tuan Liew Chin Tong (Iskandar Puteri)
- 22 Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Mohammad Yusof Bin Bin Apdal (Lahad Datu)
- 23 Menteri Ekonomi, Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli (Pandan)
- 24 Menteri Pertahanan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan (Rembau)
- 25 Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
- 26 Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
- 27 Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick (Penampang)
- 28 Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Nancy (Santubong)
- 29 Menteri Sumber Manusia, Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
- 30 Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Bin Mohd Ali (Papar)
- 31 Menteri Belia Dan Sukan, Puan Hannah Yeoh (Segambut)
- 32 Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Binti Mustafa (Sekijang)
- 33 Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Tuan Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir (Johor Bahru)
- 34 Timbalan Menteri Pertahanan, Haji Adly Bin Zahari (Alor Gajah)

- 35 Timbalan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah, Datuk Hajah Rubiah Binti Haji (Kota Samarahan)
- 36 Timbalan Menteri Perladangan Dan Komoditi, Datuk Hajah Siti Aminah Binti Aching (Beaufort)
- 37 Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, Datuk Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
- 38 Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh (Bukit Gelugor)
- 39 Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Puan Aiman Athirah Binti Sabu (Sepang)
- 40 Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim, Dato' Sri Huang Tiong Sii (Sarikei)
- 41 Timbalan Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus Bin Akbar Khan (Batu Sapi)
- 42 Timbalan Menteri Komunikasi Dan Digital, Puan Teo Nie Ching (Kulai)
- 43 Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Lim Hui Ying (Tanjong)
- 44 Timbalan Menteri Belia Dan Sukan, Adam Adli Bin Abd Halim (Hang Tuah Jaya)
- 45 Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Mustapha @ Mohd Yunus Bin Sakmud (Sepanggar)
- 46 Timbalan Menteri Kesihatan, Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni (Sibuti)
- 47 Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
- 48 Tuan Zahir Bin Hassan (Wangsa Maju)
- 49 Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj (Segamat)
- 50 Datuk Jonathan Bin Yasin, Asdk. (Ranau)
- 51 Datuk Matbali Bin Musah (Sipitang)
- 52 Datuk Suhaimi Bin Nasir (Libaran)
- 53 Datuk Ir. Shahelmey Bin Yahya (Putatan)
- 54 Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali (Pekan)
- 55 Tuan Haji Aminolhuda Bin Hassan (Sri Gading)
- 56 Tuan Manndzri Bin Nasib (Tenggara)
- 57 Tuan Tan Kar Hing (Gopeng)
- 58 Tuan Chow Yu Hui (Raub)
- 59 Tuan Tan Hong Pin (Bakri)
- 60 Datuk Andi Muhammad Suryady Bin Bandy (Kalabakan)
- 61 Dato' Ramanan Ramakrishnan (Sungai Buloh)
- 62 Tuan Lee Chean Chung (Petaling Jaya)
- 63 Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Klang)
- 64 Tuan Syahredzan Bin Johan (Bangi)
- 65 Puan Rodziah Binti Ismail (Ampang)
- 66 Tuan Azli Bin Yusof (Shah Alam)
- 67 Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)
- 68 Tuan Haji Onn Bin Abu Bakar (Batu Pahat)
- 69 Dato' Mohd Isam Bin Mohd Isa (Tampin)
- 70 Dato' Haji Adnan Bin Abu Hassan (Kuala Pilah)
- 71 Dato' Haji Shamsulkahar Bin Mohd Deli (Jempol)
- 72 Tuan Edwin Anak Banta (Selangau)
- 73 Richard Rapu @ Aman Anak Begri (Betong)
- 74 Puan Young Syefura Binti Othman Bentong)
- 75 Puan Syerleena Binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)
- 76 Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (Hulu Langat)
- 77 Tuan Lo Su Fui (Tawau)
- 78 Tuan Roy Angau Anak Gingkoi (Lubok Antu)
- 79 Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli (Batang Lupar)
- 80 Tuan Chong Zhemin (Kampar)
- 81 Tuan Lee Chuan How (Ipoh Timur)
- 82 Dr. Mohammed Taufiq Bin Johari (Sungai Petani)

- 83 Dato' Sri Doris Sophia Anak Brodi (Sri Aman)
 84 Tuan Riduan Bin Rubin (Tenom)
 85 Dato' Verdon Bin Bahanda (Kudat)
 86 Puan Rodiyah Binti Sapiee (Batang Sadong)
 87 Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail (Bandar Tun Razak)
 88 Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob (Bera)
 89 Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
 90 Datuk Seri Panglima Haji. Mohd. Shafie Bin Haji. Apdal (Semporna)
 91 Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
 92 Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein Sembrong)
 93 Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman (Muar)
 94 Tuan Gobind Singh Deo (Damansara)
 95 Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
 96 Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
 97 Tuan Chow Kon Yeow (Batu Kawan)
 98 Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun (Port Dickson)
 99 Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
 100 Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem (Serian)
 101 Dato' Seri Amirudin Bin Shari (Gombak)
 102 Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)
 103 Johari Bin Abdul Ghani (Titiwangsa)
 104 Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
 105 Datuk Seri Jalaluddin Bin Alias (Jelebu)
 106 Datuk Seri Panglima Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan)
 107 Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
 108 Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
 109 Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
 110 Puan Yeo Bee Yin (Puchong)
 111 Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis (Kota Belud)
 112 Dato' Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik (Balik Pulau)
 113 Tuan Hassan Bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
 114 Tuan Wong Chen (Subang)
 115 Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)
 116 Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
 117 Datuk Seri Panglima Gapari Bin Katingan @ Geoffrey Kitingan (Keningau)
 118 Datuk Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
 119 Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
 120 Puan Wong Shu Qi (Kluang)
 121 Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
 122 Dato' Ramli Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
 123 Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
 124 Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah (Paya Besar)
 125 Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
 126 Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
 127 Tuan Mordi Bimol (Mas Gading)
 128 Datuk Seri Utama Ir. Hasni Bin Mohammad (Simpang Renggam)
 129 Tuan Chiew Choon Man (Miri)
 130 Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
 131 Tuan Kesavan A/L Subramaniam (Sungai Siput)
 132 Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
 133 Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji (Jelutong)
 134 Tuan Wong Kah Woh (Taiping)
 135 Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
 136 Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh (Ledang)
 137 Tuan Haji Yusuf Bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
 138 Tuan Haji Ahmad Johnie Bin Zawawi (Igan)
 139 Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
 140 Dato Anyi Ngau (Baram)
 141 Tuan Prabakaran A/L M. Parameswaran (Batu)

- 142 Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
- 143 Tuan Pang Hok Liong (Labis)
- 144 Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
- 145 Datuk Wetrom Bin Bahanda (Kota Marudu)
- 146 Tuan Ahmad Fadhli Bin Shaari (Pasir Mas)
- 147 Tuan Wan Ahmad Fayhsal Bin Wan Ahmad Kamal (Machang)
- 148 Tuan Haji Abdul Latiff Bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
- 149 Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib (Maran)
- 150 Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli (Dungun)
- 151 Dato' Mohd Suhaimi Bin Abdullah (Langkawi)
- 152 Tuan Sabri Bin Azit (Jerai)
- 153 Dato' Syed Abu Hussin Bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
- 154 Dr. Hajah Halimah Ali (Kapar)
- 155 Tuan Shahrizukirnain Bin Abd Kadir (Setiu)
- 156 Tuan Haji Kamal Bin Ashaari (Kuala Krau)
- 157 Datuk Iskandar Dzulkarnain Bin Abdul Khalid (Kuala Kangsar)
- 158 Tuan Haji Bakri Bin Jamaluddin (Tangga Batu)
- 159 Tuan Mohd Nazri Bin Abu Hassan (Merbok)
- 160 Tuan Muhammad Fawwaz Bin Mohamad Jan (Permatang Pauh)
- 161 Dr. Siti Mastura Binti Muhammad (Kepala Batas)
- 162 Kapten Azahari Bin Hasan (Padang Rengas)
- 163 Dr. Haji Abd Ghani Bin Haji Ahmad (Jerlun)
- 164 Dato' Haji Abdul Khalib Bin Abdullah (Rompin)
- 165 Tuan Zakri Bin Hassan (Kangar)
- 166 Tuan Rushdan Bin Rusmi (Padang Besar)
- 167 Tuan Mohd Azizi Bin Abu Naim (Gua Musang)
- 168 Puan Hajah Salamiah Binti Mohd Nor (Temerloh)
- 169 Komander Nordin Bin Ahmad Ismail TLDM (B) (Lumut)
- 170 Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib (Parit)
- 171 Tuan Kalam Bin Salan (Sabak Bernam)
- 172 Tuan Wan Razali Bin Wan Nor (Kuantan)
- 173 Tuan Jamaludin Bin Yahya (Pasir Salak)
- 174 Tuan Fathul Huzir Bin Ayob (Gerik)
- 175 Datuk Haji Idris Bin Haji Ahmad (Bagan Serai)
- 176 Dr. Radzi Jidin (Putrajaya)
- 177 Dato' Sri Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
- 178 Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim (Arau)
- 179 Dato' Haji Ahmad Bin Saad @ Yahaya (Pokok Sena)
- 180 Datuk Muslimin Bin Yahaya (Sungai Besar)
- 181 Datuk Haji Ahmad Marzuk Bin Shaary (Pengkalan Chepa)
- 182 Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
- 183 Datuk Wan Saifulruddin Bin Wan Jan (Tasek Gelugor)
- 184 Dato' Khliir Bin Mohd Nor (Ketereh)
- 185 Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh (Besut)
- 186 Dato' Mumtaz Binti Md Nawi (Tumpat)
- 187 Tuan Mohd Misbahul Munir Bin Masduki (Parit Buntar)
- 188 Dato' Dr Ahmad Yunus Bin Hairi (Kuala Langat)
- 189 Tuan Zulkifli Bin Ismail (Jasin)
- 190 Dato' Dr. Haji Alias Bin Razak (Kuala Nerus)
- 191 Dr. Ahmad Fakhruddin Bin Fakhruddin (Kuala Kedah)
- 192 Kapten Datuk Dr. Zulkafperi Bin Hanapi (B) (Tanjong Karang)
- 193 Tuan Nurul Amin Bin Hamid (Padang Terap)
- 194 Tuan Roslan Bin Hashim (Kulim Bandar Baharu)
- 195 Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin (Larut)
- 196 Tan Sri Haji Mahiaddin Bin Mohd. Yassin (Pagoh)
- 197 Tan Sri Haji Abdul Hadi Bin Haji Awang (Marang)
- 198 Dato' Tuan Ibharim Bin Tuan Man (Kubang Kerian)

- 199 Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan (Kota Bharu)
- 200 Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Haji Samsudin (Masjid Tanah)
- 201 Tuan Haji Mohd Syahir Bin Che Sulaiman (Bachok)
- 202 Datuk Ali Anak Biju, Pmw. (Saratok)
- 203 Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
- 204 Datuk Haji Awang Bin Hashim (Pendang)
- 205 Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
- 206 Datuk Haji Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
- 207 Tuan Che Alias Bin Hamid (Kemaman)
- 208 Tuan Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman (Sik)
- 209 Dato' Indera Dr. Suhaili Bin Abdul Rahman (Labuan)
- 210 Tuan Afnan Hamimi Bin Dato' Haji Taib Azamudden (Alor Setar)
- 211 Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Bin Ku Ismail (Kubang Pasu)
- 212 Tuan Zahari Bin Kechik (Jeli)
- 213 Dato' Azman Bin Nasrudin (Padang Serai)
- 214 Tuan Haji Mohd Hasnizan Bin Harun (Hulu Selangor)
- 215 Ir. Ts. Khairil Nizam Bin Khirudin (Jerantut)
- 216 Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (Mersing)
- 217 Tuan Hassan Bin Saad (Baling)

Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:

1. Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
2. Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Mohamad Alamin (Kimanis)
3. Datuk Seri Saravanan A/L Murugan (Tapah)
4. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
5. Dato' Rosol Bin Wahid (Hulu Terengganu)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Selasa, 20 Disember 2022
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, selamat pagi semua.

Sebelum kita mulakan urusan kita, ingin saya mengucapkan takziah kepada mangsa-mangsa banjir yang melanda di Pantai Timur. Saya difahamkan ada yang terkorban dan banjir makin melanda dengan ganasnya. Jadi kita mendoakan agar keadaan ini akan reda dan *insya-Allah*, saya minta juga semua yang mempunyai kedudukan untuk membantu mangsa-mangsa banjir.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak atas ucapan takziah tersebut. Semalam Yang Berhormat Muar ada mengusulkan usul tergepar berkenaan ini. Mohon pertimbangan Tuan Yang di-Pertua untuk memasukkan dalam aturan mesyuarat bagi kita membahaskan berkenaan tindakan kerajaan dalam menangani krisis banjir yang ganas seperti yang disebutkan tadi di Pantai Timur. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Insya-Allah*, saya akan...

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekejap. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Satu Usul- Peraturan Mesyuarat 36(4) yang mana- adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan, biadab atau membuat pernyataan yang seksis.

Saya, kelmarin atau bahasa Kedah dipanggil "kelmarin", bahasa Kuala Lumpur ini dipanggil "semalam" - saya telah menyebut perkataan, "*Saya tidak mahu, kami tidak mahu jadi kera*" tetapi terus disambut oleh Yang Berhormat Hulu Langat, "*Yang Berhormat Pendang beruk*". Jadi saya minta perkataan ini supaya kena ada *in parliamentary lesson learnt*, dengan izin, untuk...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Mengapakah semalam tidak bangkit? *Move forward* lah.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sebab semalam saya minta...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Duduk, duduk.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini saya punya- *motion*.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: *Motion* ditolak.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya, kelmarin bila saya minta, Tuan Yang di-Pertua minta saya duduk, saya bertenang. Saya duduk. Jadi hari ini saya bangkit balik sebab ini perkataan, "*Yang Berhormat Pendang beruk*" khusus pada Pendang. Jadi *you* diam, Yang Berhormat Kepong. *You* tidak tahu apa.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat Pendang, terima kasih.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih. Saya minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan tengok *Hansard*. Saya tidak sempat lagi. Saya tidak dengar sebenarnya tetapi saya akan tengok *Hansard* dan *insya-Allah*...

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Clear*, Yang Berhormat Hulu Langat, *clear* semalam menyebut, “*Yang Berhormat Pendang beruk*”.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *clear* tetapi saya tidak *clear*.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak apa, boleh tengok. Saya ingat kelmarin ini Tuan Yang di-Pertua, saya kata saya, saya tidak tuju kepada siapa-siapa. Saya ingat kena *check* baliklah telinga Yang Berhormat Hulu Langat ini. Dia ini sakit ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya akan tengok *Hansard*. Nanti saya akan buat keputusan.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Baik, usul Yang Berhormat Menteri, silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

10.07 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua,

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai DR.47/2022 – Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022, dan Usul-usul Menteri Kewangan di nombor 1 hingga 3 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG DISATUKAN (PERBELANJAAN MASUK AKAUN) 2022

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.08 pg.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian dari tahun yang berakhir pada 31 Disember 2023 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kesempatan ini dimanfaatkan untuk membentangkan rang undang-undang yang terkait dengan emolumen atau gaji yang mesti diselesaikan pada bulan Januari dan juga beberapa pertimbangan komitmen seperti kontrak yang sedang berjalan ataupun hutang yang harus dibayar.

Ia tidak melibatkan projek-projek baharu kerana ini akan dapat dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat setelah Parlimen dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong dan belanjawan baharu dibentangkan yang ikut jadualnya pada akhir Februari atau awal Mac. Akan tetapi oleh sebab perkembangan mendesak semasa, seperti banjir yang juga telah mula meragut nyawa di Pantai Timur dan juga beberapa keperluan segera.

■1010

Maka ada pertimbangan untuk menyegerakan dan memberikan penambahan tidak dari segi belanjawan kerana ini hanya tertakluk pada bulan Mac. Akan tetapi penyesuaian daripada kelulusan yang ada supaya dapat diperkasakan NADMA dan peruntukan tambahan khususnya di Terengganu dan di Kelantan. Saya bercadang untuk segera ke sana untuk memantau dan membantu apa-apa yang dirasakan mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini kesempatan awal, saya ingin mengucapkan sekali lagi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya percaya tugas ini juga mencabar seperti kita lihat gelagat yang berlaku semalam. Kalau daripada pihak kerajaan, saya ingin beri jaminan dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri II telah pun sebagai Ketua *Whip*, telah pun diminta untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat menjaga susila Dewan ini dan apa pun perkembangan tidak melanggar batas adab, susila dan menghormati peraturan Dewan. Saya harap hal yang sama juga akan dilakukan oleh Ketua Pembangkang dan Ketua *Whip* sebelah Perikatan Nasional.

Ini kerana kita tahu sidang Parlimen ini ditonton, kita boleh berbeza pendapat, boleh bertengkar tetapi harus jaga kemuliaan Dewan ini dan tidak keterlaluan kerana ini akan ditertawakan oleh rakyat dan melihat seluruh Dewan ini menjadi gelanggang sepertimana yang disebut dalam sosial media, *circus*.

Jadi, ini saya serah kepada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua tetapi saya hendak bagi jaminan kita akan bagi sokongan penuh kalau pun tindakan itu perlu dikenakan ke atas Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan Perpaduan. *[Tepuk]*

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah untuk mengucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada pembangkang yang memberi sokongan atau pun yang menyatakan undi percaya untuk keabsahan itu tidak diperlukan, bermakna mereka menerima kenyataan. Ada perubahan dan tanggungjawab yang saya pikul diberikan ruang untuk meneruskan tugas tanpa gangguan dari sudut pertikai keabsahan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pasir Mas bangkitkan mengapa dikemukakan usul? Mereka harus baca sendiri kenyataan

Yang Berhormat Pagoh yang mencabar supaya disahkan keabsahan. Itu yang menyebabkan saya— walaupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bahagian Undang-undang dan juga Peguam Negara, malah Yang di-Pertuan Agong sendiri telah menyatakan tidak ada keperluan kerana kenyataan majoriti itu jelas.

Akan tetapi, saya memilih untuk tidak hanya melihat dari segi keperluan undang-undang ataupun Perlembagaan tetapi moral legitimasi supaya kita dapat perintah dan seperti mana yang disebut Yang Berhormat Titiwangsa kita ada ruang untuk menumpukan perhatian setelah ada kestabilan politik, ada keabsahan, menumpukan perhatian untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih meyakinkan. *Insyallah* itu akan saya lakukan.

Akan tetapi izinkan saya mengulangi kenyataan penghargaan kepada rakan-rakan yang memberikan ruang kepada saya untuk meneruskan tanggungjawab ini. Sepertimana biasa didengar di sebelah sini dan di sebelah sana kita tahu ini. [*Berucap dalam bahasa Arab*] Ini kebertanggungjawaban, bukan keistimewaan. Kita memikul tanggungjawab ini dalam keadaan ekonomi yang getir, soal perpaduan yang dibangkitkan dan oleh demikian ia memerlukan seluruh tenaga dan saya hargai teguran yang disampaikan. Walaupun kadang-kadang bunyinya pedas tetapi saya duduk dan mendengar seluruh pandangan dan teguran yang disampaikan, sama ada rakan-rakan di sebelah sini dan juga di sebelah sana.

Cuma ada kadang-kadang mengikut *Shakespeare* dia kata, “*A tale told by an idiot, full of sound and fury, signifying nothing*”. Jadi kita kena sabar kerana tidak semua kenyataan itu bertanggungjawab. [*Tepuk*]

Saya bagi contoh umpamanya, Ketua Pembangkang Yang Berhormat Larut, yang bekerja selama hampir 25 tahun mencerca, memfitnah, konspirasi menyerang peribadi, menimbulkan fitnah dan diteruskan dengan cara yang lebih licik. Saya tidak akan ulas perkara itu Tuan Yang di-Pertua, kerana tentunya dia belum dapat tarbiah daripada Yang Berhormat Marang yang pernah menulis dan saya ucapkan *jazakallahu khairan* kepada Yang Berhormat Marang menulis tentang Qazaf. Saya syorkan buku itu juga dibaca oleh Ketua Pembangkang.

Bila baca Al-Quran, terutamanya bagi kita yang tidak terdidik di sekolah agama, sekolah Arab, bacalah dengan betul. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] jadi Biar betul sikit. [*Dewan tepuk*] Baik.

Dibangkitkan juga tentang pengampunan, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kelantan khususnya, boleh mohon menghadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V pada ketika itu menjadi Yang di-Pertuan Agong. Ini saya perlu jelaskan bila keabsahan itu juga moral legitimasi untuk menjelaskan.

Saya tidak memohon pengampunan kerana saya dihukum. *Make it clear on the record di Hansard*. Kita bantah penghakiman yang melanggar prinsip hukum, mengadakan termasuk dalam kes pertama, membuat pertuduhan peristiwa yang berlaku di bangunan yang belum ada dan memaksa orang menjadi saksi ataupun mengambil siasatan sebelum pun laporan polis dibuat.

Saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua menyebut perkara kerana soal pengampunan itu penting, yang menyebut mengambil inisiatif itu ialah Yang di-Pertuan Agong ketika itu. Baginda menelefon saya dan ini saya sebut secara umum. Semasa saya masih lagi di *rehab centre* dan ada yang mengaitkan tentang menyebut nama Yang di-Pertuan Agong. Yang Berhormat Arau, saya hendak jelaskan di sini saya sebut ini fakta. Menelefon saya menyatakan, “*Anwar, saya akan berikan pengampunan penuh kerana saya ikuti perkembangan trial saudara. Clear travesty of justice*”. Saya quote ini, phrase yang digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong *travesty of justice*. Pelanggaran prinsip keadilan.

“Oleh yang demikian, saya akan memberi pengampunan penuh sesegera mungkin”. Perdana Menteri pada ketika itu menanggukkan sehingga 10 hari. Jadi kalau orang menggunakan, “Oh, dia jelas, dia bebas...”

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, kita ada usul.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya. Ya. Saya akan sampai di situ.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang]: Tentang kewangan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Satu minit. Saya tahu kenyataan ini pedih bagi saudara kerana ini kenyataan yang dimainkan. [*Dewan tepuk*]

Akan tetapi percayalah, saya hanya mengambil dua minit lagi untuk jelaskan perkara ini kerana kebaikan. Saya tidak menafikan Yang Berhormat tidak tergolong begitu tetapi rakan-rakan saya terutama senior dalam PAS begitu berjasa kerana mereka turun ke bawah menerangkan prinsip ini.

Bukan Yang Berhormat, Yang Berhormat yang lain ramai dan saya tidak pernah menafikan sumbangan khidmat mereka yang tidak melayani fitnah dan menganggap ini konspirasi yang juga melibatkan Yang Berhormat Larut. [*Dewan tepuk*] Jadi itu sebabnya mengapa pengampunan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada perbezaan jalur politik tentunya dan pembentukan Kerajaan Perpaduan ini juga menimbulkan sedikit pertikaian. Akan tetapi sudah dilakukan keabsahan. Yang Berhormat Kota Bharu pertikaikan soal nombor. Tuan Yang di-Pertua tahu konvensyen Parlimen, usul daripada kerajaan. Kalau tidak dipersetujui dibangkang dengan suara, itu tidak berlaku. Kalau belum puas hati diminta belah bahagi, itu juga tidak berlaku. Jadi kita *move on* lah. Jadi, saya ucap terima kasih kerana ramai yang mengatakan *move on*. [*Dewan tepuk*]

Saya tidak berhajat sama sekali Yang Berhormat Kota Bharu untuk bangkitkan lagi isu ini. Saya hendak tumpu perhatian, betulkan kepincangan dalam pentadbiran dan pengurusan kerajaan.

■1020

Elakkan daripada penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Ini supaya “*hoi ho ya hoi*” itu bukan sahaja melibatkan orang di sini tetapi juga di sana. Ini kerana di sana juga pernah menjadi Menteri, pernah menjadi Perdana Menteri dan pernah meluluskan kontrak-kontrak kepada anak menantu mereka. [*Tepuk*] Saya tidak mahu pilih kasih. Permintaan saya kepada agensi penguatkuasaan termasuk SPRM— boleh tanya ketua SPRM, Peguam Negara dan pihak PDRM. Saya kata, “*Saudara, you are dealing with the new Prime Minister. I meant what I said.*” Saya hendak bersihkan negara ini daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa. [*Tepuk*]

Dalam isu usul ini, tumpuan kita dengan kestabilan politik yang dikatakan umpama tidak ada yang dilakukan dalam beberapa minggu ini semata-mata kenyataan politik. Saya hendak beritahu bahawa pertamanya isu yang dibangkitkan untuk keabsahan ini adalah untuk memungkinkan kita memperoleh keyakinan dan mengurus ekonomi.

Akan tetapi untuk itu, kerana dipertikaikan soal sama ada kita tetap pertahankan prinsip Perlembagaan, soal Islam sebagai agama Persekutuan dan penghayatannya, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan pengecualian beberapa peruntukan untuk Sarawak yang memberikan ruang untuk bahasa Inggeris mengikut Perjanjian MA63, hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera dan kedudukan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu. Hal itu saya ingin tegaskan tidak mungkin dipertikaikan oleh Kerajaan Perpaduan ini.

Bezanya ialah usaha saya untuk memberi jaminan kepada semua rakyat, golongan minoriti, golongan yang terpinggir, golongan yang di pedalaman bahawa setiap rakyat dan warganegara ini akan dipertahankan hak mereka sebagai warganegara.

Keduanya, melibatkan institusi. Orang tidak melabur. Sebab apa? Ini kerana dia tidak yakin badan kehakiman atau penguatkuasaan itu telus dan bebas. Mengapa dalam *litigation* kes-kes melibatkan syarikat-syarikat besar selama ini, mereka pergi ke *Singapore* dan sebelum ini di Hong Kong dan tidak di mahkamah-mahkamah kita.

Jadi, sebab itu saya sampaikan kepada Ketua Hakim Negara selaku Perdana Menteri saya tidak akan campur urusan badan kehakiman dan mereka jalankan dengan bebas dan telus. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya kepada Perlembagaan dan rakyat, akhirnya Allah SWT sekiranya mereka mengadakan apa-apa tindakan yang melanggar... [*Tidak jelas*]

Ketiga, yang kita tumpukan ialah soal menangani isu kos sara hidup. Kita boleh bicara di sini dengan elaun yang ditetapkan. Akan tetapi, percayalah umumnya negara kita terutama orang Melayu dan bumiputera masih dalam kategori miskin. Di Semenanjung Tanah Melayu, majoriti besar masih orang miskin. Walaupun kita bicara dengan hebat dan berdegar-degar tentang ketuanan Melayu dan kemuliaan bangsa dengan pelbagai dasar, tetapi setelah lebih enam dekad merdeka, majoriti orang Melayu miskin.

Depan rakan-rakan saya pelbagai kaum dan agama saya menyatakan bahawa pentadbiran ini tidak akan tolak ansur untuk pertahankan kepentingan majoriti yang kebetulan adalah orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Cuma orang-orang yang terpinggir dan miskin sama ada Orang Asli atau masyarakat India di Semenanjung Tanah Melayu ini majoriti yang paling miskin adalah Melayu. Akan tetapi, dalam kalangan Orang Asli dan masyarakat India adalah dalam kalangan termiskin yang tercatat. Saya akan lakukan sedaya upaya saya memastikan semua yang terlibat itu akan dibantu. [*Tepuk*]

Kalau ini dibangkitkan, maka tumpuan kita adalah yang keempat, memacu pertumbuhan ekonomi negara. Kita ada umpamanya kajian keupayaan persaingan negara antara negara. Kita lihat umpamanya kadar kecepatan dan keberkesanan pendaftaran syarikat dan urusan perniagaan masih ketinggalan. Indonesia yang dulunya belajar daripada kita dalam beberapa aspek sekarang telah mengatasi kita. Kita sudah terlalu banyak tumpuan dalam urusan politik dan menghebahkan kejayaan kita tetapi kenyataannya itu bertentangan dengan fakta yang ada.

Mengenai kos sara hidup, kita telah mengadakan mesyuarat dan Yang Berhormat di belah sana [*Merujuk kepada Pembangkang*] pun tahu tentang NACCOL untuk kenaikan harga barang keperluan, termasuk yang dilakukan oleh Menteri Pertanian dan KPDN untuk memastikan keperluan itu ada. Ia ada kemudahan. Dalam beberapa minggu kekurangan ayam dan telur— pada 15 hari bulan yang lalu diimport. Ini masalah kita ini kartel. Masalahnya ialah menetapkan kepada syarikat-syarikat besar menentukan harga dan menentukan pengeluaran.

Mesti ada kekuatan politik tekad untuk menyatakan dalam dasar ekonomi ini, kemaslahatan awam, orang ramai dan rakyat itu diutamakan. Maka, kita telah membuat perubahan dengan memberikan keizinan import pada 15 Disember 100,000 biji telur dan mulai 22 Disember dua hingga 10 juta biji telur sehari akan dibawa masuk sehingga keadaan stabil dan keupayaan pengeluaran tempatan terjamin.

Soal tarif disebut oleh Yang Berhormat Pandan semalam. Tarif elektrik. Tuan Yang di-Pertua, keputusan pentadbiran yang lalu ialah menaikkan tarif elektrik. Kertas draf Jemaah Menteri sudah disiapkan. Tanggungjawab kami sepatutnya hanya melaksanakan tetapi apabila saya baca ini bertentangan dengan dasar kita. Bagaimana mungkin dalam keadaan kos sara hidup begini rakyat terbeban, kita naikkan kadar elektrik. Walaupun kita akui daripada segi ekonomi ia satu keperluan. Ini kerana, kerajaan untuk satu tahun tidak mungkin membayar RM30 bilion dan untuk suku pertama RM10 bilion, menampung keperluan ini.

Akan tetapi, apabila meneliti semula, saya tidak sanggup meneruskan. Maka, kadar elektrik tidak dinaikkan bagi keperluan domestik, bagi SMEs, bagi keperluan

pengeluaran pertanian. Akan dinaikkan hanya bagi pengeluar syarikat-syarikat besar seperti *multinational corporation*, syarikat-syarikat yang gergasi yang punyai keuntungan bilion ringgit. Itu yang kita putuskan, ada anjakan. Jadi, tidak benar kalau kita katakan dua minggu ini kita tidak lakukan apa-apa.

Tentunya, hal-hal yang lain yang dikatakan gimik dan sebagainya. Itu penting kerana memberikan petanda Tuan Yang di-Pertua bahawa kita serius, termasuklah kereta yang dipesan oleh Yang Berhormat Pagoh. Ini ada rekod untuk SPANCO. Kemudian tidak diteruskan oleh Yang Berhormat Bera kerana kesuntukan masa sebelum pilihan raya dan saya runding untuk batalkan. Itu kenyataan, Yang Berhormat Putrajaya.

Ini bukaan rekaan. Rekodnya ada. Bezanya saya sebagai Ketua Pembangkang dan saya di sini, saya boleh baca rekod dalam fail dan nota. [*Tepuk*] Akan tetapi, saya tidak mahu panjangkan perkara ini kerana ini ada kaitan dengan tadbir urus. Ini soal RM600 bilion. Ini tunjuk— apa maksud saya? Pihak yang menyebut RM600 bilion itu tidak bentang di Parlimen, itu Yang Berhormat Pagoh. Pihak yang mempertikaikan ialah Ketua Pembangkang pada ketika itu kerana wang KWSP dan wang moratorium dimasukkan untuk menunjukkan kepada rakyat kita belanja banyak tetapi sebenarnya tidak.

Apa yang saya bangkitkan tentang isu penyalahgunaan kaedah ini tanpa ketelusan— guna darurat untuk memberikan kelulusan tanpa tender. Ini kerana hendak betulkan supaya ini jangan diulang oleh pentadbiran sekarang. Pentadbiran sekarang tidak dibolehkan meluluskan projek tanpa tender. [*Tepuk*] Jadi, contohnya RM92 bilion daripada RM600 bilion yang diberikan tanpa tender dan sekarang ini dalam siasatan SPRM. Jadi, saya tidak akan mengulas lebih daripada itu. Akan tetapi, percayalah tidak bersih sepertimana yang digambarkan selama ini.

■1030

Bersih itu hanya dalam slogan tetapi tidak sebenarnya kerana ini akan dipantau dan laporan awal...

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Telah terbukti untuk tidak...

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: *Point of order.* Saya ingat usul yang dibentangkan ini berkaitan dengan usul yang telah pun *ditablekan* di atas meja. Jika dilihat isu yang dibahaskan ini adalah isu berkait dengan jawapan apa yang dibangkitkan dalam usul semalam. Baik, 33(1) menyebut bahawa sebarang perbahasan yang telah pun diputuskan maka selesailah iaitu 33(2). Tuan Yang di-Pertua telah membuat *ruling* dah atas keputusan tadi, menerima perbahasan berkaitan dengan usul undi percaya.

Jadi, saya kira jika Perdana Menteri ingin menjawab segala perkara yang dibangkitkan kelmarin, ia telah ditutup kelmarin. Hari ini, kita hendak ulang balik. Jadi, apa kata kalau di peringkat pembangkang akan usulkan semula perkara-perkara yang berkaitan dengan isu baru.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: Jadi, saya pohon supaya Yang di-Pertua melihat balik 33(1) dan 33(2), sudah pun ada keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Menteri sedang menerangkan apa kaitan benda yang diusulkan dengan apa yang berlaku dan apa yang akan berlaku.

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun]: Maksud saya isu ini sepatutnya diulas semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]: Siapa makan cabai, dia rasa pedas.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat Jerlun, saya setuju, yang saya bincangkan ini adalah peruntukan yang diluluskan. Ini bukan keabsahan. Cuba dengar baik-baik. Saya kata siasatan yang berkait dengan kelulusan yang dibuat dan sekarang diteliti semula kerana ada beberapa pelanggaran dan ini urusan SPRM. Dia tidak ada kaitan dengan keabsahan semalam yang sudah beres dan saya ucap terima kasih.

Baik, dan ini juga berkait, misalnya disebut, umpamanya ada yang katakan soal judi tidak ada kaitan. Ada kaitan kerana bila kita turunkan dari 22 ke lapan, kita kerajaan kehilangan lebih RM150 juta tetapi yang saya bangkitkan, mengapa boleh dibiarkan perkara ini berlaku, dari lapan naik 22? Dalam masa satu hari saya jadi Menteri Kewangan, saya arahkan apa alasan dia? Oh, kerana soal keperluan dana RM120 juta tetapi tentunya habuan banyak. Itu yang saya kaitkan tetapi kerana saya hendak redakan suhu politik ini saya tidak mahu kait kerana saya tidak fikir ini berkait dengan PAS. Akan tetapi, parti sekutu itu ada.

Seorang Ahli: Dalam kerajaan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang dalam kerajaan.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Bekas Menteri Kewangan dan Perdana Menteri ada di sebelah sana.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya, betul. Bekas Menteri Kewangan ada. Bekas Perdana Menteri ada. Bekas-bekas Menteri PAS pun ada. Jadi, sama-sama kita pikul tanggungjawab. Akan tetapi, sekurang-kurangnya Yang Berhormat Pasir Mas, saya akan lakukan segera...

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Untuk balik kepada asal, lapan, sementara Kementerian Kewangan...

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Tambun...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Bagi saya habis dahulu.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekejap, sekejap sahaja, pasal judi tadi.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya akan bagi Yang Berhormat Pendang. Jangan bimbang. Duduk dahulu. Suhu itu kena rendah. Saya turunkan dahulu kerana balik kepada asal dan sekarang ini Kementerian Kewangan kaji apakah keperluan meneruskan lapan cabutan khas. Jadi, pegawai-pegawai Kementerian Kewangan menasihatkan saya bagi peluang supaya mereka dapat cerakin jumlah yang sebenarnya kehilangan dan apa ganti pendapatan yang boleh menampung keperluan yang lama. Baik, Yang Berhormat Pendang.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Tambun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang.

Berkenaan dengan judi daripada 22 ke lapan dan daripada lapan ke 22. Yang Berhormat Tambun, pada masa ketika itu, Timbalan Menteri Kewangan, saya bertanya masa hendak lulus. Saya bertanya kepada Timbalan Menteri Kewangan daripada UMNO pada ketika itu, bincang tak dengan siapa ini? Dia kata ini tidak perlu bincang dalam Kabinet. Hanya dengan Menteri Kewangan sahaja. Jadi, kalau macam itu tidak adil pada kami. Itu saya terus tanya. Sepatutnya kita bincang dan kita buat keputusan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya faham.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bukan takat daripada 22 turun ke lapan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya bagi– luar biasa pada Yang Berhormat Pendang ini sebagai sahabat lama, walaupun ini bentang usul tidak boleh bahas. Dia kena tunggu habis. Tidak apa, *it is okay*.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya bersetuju sebab itu saya kecualikan PAS di sini. Cuma, Menteri *collective responsibility* bertanggungjawab. Akan tetapi, saya tahu kalaulah umpamanya, saya percaya...

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak, tidak apa, sekejap. Dia tidak ada penjelasan. Bentang usul tidak ada penjelasan.

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sedikit penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ini saya, Ketua Majlis bagi peluang yang melanggar peraturan sedikit. Saya percaya kalau dibentangkan di dalam Jemaah Menteri, sahabat-sahabat daripada PAS akan membantah keras. Saya setuju, cuma bila diluluskan, sudah diketahui dan saya bawa di Parlimen.

Sepatutnya dibawa, ia dibantah keras tetapi tidak apa, itu sudah pun berlalu. Pentingnya, sekarang Menteri Kewangan sudah turunkan dan kaji untuk *rationalize* apakah perlu cabutan khas ini. Baik. Kita melihat sekarang sentimen ekonomi berkembang dan baik tetapi unjuran kita untuk tahun ini – tahniah juga Mantan Menteri Kewangan kerana prestasinya sedikit lebih baik daripada apa yang diunjurkan, 65 kepada 70 peratus. Begitu juga kadar pengangguran.

Saya mewakili satu pandangan ekonomi yang tidak sangat terpukau dengan angka. Kalau kita sebut kadar pengangguran 36 peratus bunyinya baik tetapi bagi ratusan ribu yang menganggur itu tidak sebaik yang kita sebutkan di sini. Oleh sebab itu, ada langkah-langkah yang diambil untuk mencari jalan mengurangkan beban kerajaan. Oleh sebab itu, ada yang mempertikaikan saya bila saya panggil Tan Sri Syed Mokhtar yang memonopoli beras. Monopoli ini dalam konteks kita tidak boleh diteruskan tetapi kita terikat dengan perjanjian lama dan kerajaan baru tentunya terpaksa mengambil kira tentang perjanjian lalu.

Oleh sebab itu, saya panggil, minta dia supaya mengambil kira kepayahan, keperitan hidup pesawah-pesawah padi miskin di Kedah, Kelantan, Perlis, Seberang Perai Utara, Perak Utara dan lain-lain. Beliau setuju, daripada keuntungan beliau, menyerahkan RM10 juta sekarang, bulan ini dan RM50 juta tahun hadapan. Sementara kita runding semula, kaedah-kaedah perjanjian. Yang Berhormat harus juga faham, saya tidak mahu menggugat perniagaan dia.

Jadi, hal-hal yang menyentuh umpamanya pelabuhan atau import gula yang dia lakukan, itu kerajaan bertanggungjawab untuk membantu. Akan tetapi, hal yang menyentuh dan menyebabkan keperitan hidup pesawah padi, saya tidak mahu tolak ansur dan saya sampaikan kepada beliau. Akan tetapi, apa kaitannya di sini? Itu *signal* dasar kita sekarang. Semua dasar yang kita lakukan menggunakan jentera kerajaan, membantu mana-mana syarikat, pulangnya mesti balik kepada sama ada pesawah atau peladang ataupun di industri kelapa sawit.

Janganlah keuntungan itu dibolot begitu tinggi dan kemudian tidak diagihkan dengan adil. Itu yang kita lakukan sebagai satu *signal* dan saya ucap terima kasih kepada Tan Sri Syed Mokhtar kerana dalam masa yang singkat dia bersetuju dan itu memudahkan usaha kita untuk memberi *signal* kepada semua syarikat besar bahawa pentadbiran sekarang ini akan melakukan anjakan daripada pendekatan yang lama.

Selain itu, langkah-langkah yang lain sudah tahu, walaupun saya ingat Yang Berhormat Pasir Puteh kah apa namanya?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak, semalam yang bangkitkan, kononnya internasional *news* dan— itu semua negatif kepada kita. Sebenarnya tidak betul. Perubahan kerajaan ini memberikan suatu imej yang sangat baik, belum pernah dalam sejarah, saya *check* dari Merdeka 1957 sampai sekarang, belum pernah dalam masa yang singkat pengiktirafan dari dunia Arab, Amerika, China, Eropah, India dan seluruh Asia [*Tepuk*] dan ini *insya-Allah* saya akan memanfaatkan untuk memastikan mereka datang untuk melabur di sini.

■1040

TuanKu Sultan Brunei Darussalam melakukan sesuatu yang jarang dilakukan sebelum ini. Datang tetapi bukan soal silaturahim, tetapi memberikan ruang supaya Brunei Investment Agency (BIA) yang sekarang tidak langsung melabur di sini- lebih banyak di Eropah, Amerika dan Singapura, memberi perakuan untuk bawa BIA melihat potensi di Malaysia dan *insya-Allah* akan dilakukan... [*Tepuk*]

Saya sentuh tadi tentang kelewatan kelulusan dan saya akan minta supaya Kementerian Kewangan dan MITI untuk menyegerakan satu proses kelulusan supaya tidak lagi mempersulit urusan pendaftaran apabila ada rencana pelaburan di dalam negara. Rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini adalah selaras dengan Perkara 102A Perlembagaan Persekutuan.

Kali terakhir dibentangkan pada 20 Disember 1999. Pada masa itu memang tidak dibenarkan perbahasan kerana syarat-syarat yang ditentukan tetapi saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi ruang sekiranya difikirkan perlu, dan supaya pihak Kementerian Kewangan boleh memberi penjelasan.

Anggaran perbelanjaan di bawah rang undang-undang ini merangkumi bayaran gaji kepada penjawat awam, utiliti, biasiswa, bantuan kebajikan serta perkhidmatan pendidikan dan kesihatan. Begitu juga projek-projek pembangunan yang sedang berjalan perlu diteruskan dan kontrak dibayar mengikut jadual.

Antara hal-hal yang telah diluluskan dan kita ubah suai atau teliti semula; sepertimana yang saya sebut, apa-apa sahaja langkah sebelum ini yang baik, kita akan teruskan. Tidak ada masalah, atau kompleks daripada segi itu. Ini termasuk umpamanya memperbaiki cadangan awal termasuk dalam soal Rancangan Makanan Tambahan dan pembelian buku teks.

Maka kita bersetuju untuk menyalurkan bantuan awal persekolahan sebanyak RM150 kepada semua murid tanpa mengambil kira had pendapatan ibu bapa pada bulan Januari 2023. Hal ini untuk mempercepatkan. Hal ini kerana, kalau untuk bulan Januari dan kita letakkan syarat-syarat pendapatan ibu bapa, penyaluran wang itu akan tetap tertangguh.

Bagi pelaksanaan program yang mengiktiraf gaji belia antara RM1,500 hingga RM2,100, kerajaan akan menyediakan tawaran sebanyak 50 ribu peluang kerjaya secara kontrak termasuk 35 ribu yang dijalankan oleh syarikat GLC melalui program MySTEP untuk tahun 2023. Perkara ini diteruskan.

Bantuan Kebajikan Masyarakat kepada isi rumah miskin, warga emas dan OKU juga diteruskan mulai bulan Januari. Bantuan Tunai Rakyat yang dilaksanakan sebelum ini akan diteruskan. Bayaran Bantuan Tunai Rakyat Fasa 1 akan disalurkan awal iaitu pada bulan Januari 2023 dan bukannya bulan Mac sepertimana yang diumumkan sebelum ini.

Saya ambil pertimbangan untuk menyegerakan kerana masalah pekebun kecil getah, petani, dan nelayan terutamanya di negeri Terengganu dan Kelantan yang terpaksa menanggung kesempitan akibat banjir. Maka, jadual bulan Mac itu akan diawalkan supaya mereka peroleh bantuan tunai ini pada bulan Januari... [*Tepuk*] Jadi, fasa ini akan memberi manfaat kepada seramai 9 juta orang penerima dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion; RM300 kepada setiap isi rumah dan RM100 bagi yang masih bujang.

Bantuan Musim Tengkujuh juga ditambah dan *insya-Allah* dalam satu hingga dua hari ini, mungkin esok- saya ingat Yang Berhormat Pasir Mas sempat balik. Walaupun sudah ada kelulusan bantuan keseluruhan tetapi bagi yang mengalami kerugian, saya telah mengarahkan dan mengadakan perbincangan pagi tadi dengan Kementerian Kewangan supaya memikirkan beberapa program dan bantuan tambahan untuk meringankan beban mereka daripada bantuan keseluruhan RM600 kepada hampir 320 ribu orang yang terkesan daripada segi banjir dan juga daripada segi musim tengkujuh. Ini tidak termasuk pekebun kecil yang kita tambah pendapatan mereka.

Saya cuba dapatkan kepastian mengenai peruntukan yang sedia ada untuk diubahsuai dan didahulukan bantuan ke negeri Kelantan dan Terengganu- walaupun kita tidak menang Kerusi di situ. Akan tetapi, oleh sebab kemaslahatan rakyat yang susah, kita akan tambah.

Ada diumumkan tentang kenaikan gaji tahunan tambahan khas 2023 sebanyak RM100 kepada semua penjawat awam Gred 11 hingga Gred 56. Kita setuju untuk teruskan dengan Bantuan Khas Kewangan ini kepada 1.3 juta orang penjawat awam Gred 56 dan ke bawah sebanyak RM700 dan 1 juta orang pesara kerajaan sebanyak RM350...
[Tepuk]

NADMA yang mengendali dan menyelaras isu banjir dan juga bencana telah disalurkan RM400 juta untuk persiapan awal dan sepertimana saya sebutkan tadi, saya telah berbincang dengan Kementerian Kewangan pada minggu lalu dan pagi tadi untuk mencari jalan menambah kerana daripada laporan awal yang saya terima pagi tadi, keadaan banjir itu jauh lebih buruk atau parah daripada jangkaan awal.

Ini terkait juga dengan kontroversi mengenai Rancangan Tebatan Banjir yang diperuntukkan RM15 bilion. Ini diluluskan sebanyak RM13.8 bilion. Saya sebut dahulu RM7 bilion, tidak. Daripada RM15 bilion, Rancangan Tebatan Banjir yang diluluskan secara rundingan terus, RM13.8 bilion telah diluluskan tetapi belum dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan. Itulah sebab saya batalkan rundingan terus itu kerana ia tidak mendesak. Kalau umpamanya bantuan khas di Pasir Puteh, di Pasir Mas itu tidak ada tender. Hal itu kerana keadaan mendesak.

Akan tetapi, Rancangan Tebatan Banjir ini saya lihat jangkaannya sepatutnya siap pada tahun 2025, tahun 2027, ada sampai 10 tahun. Jadi, tidak ada keperluan mendesak yang menyebabkan rundingan terus.

Dalam kajian awal, Kementerian Kewangan berbincang dengan beberapa buah syarikat yang berkenaan yang telah diluluskan secara rundingan terus. Ini bukan Menterinya, iaitu Menteri KASA. Ini melibatkan yang lain-lain, cuma kementerian itu terlibat. Jadi, saya faham Yang Berhormat berasa tersinggung tetapi tidak.

Saya hendak sebut ini daripada segi proses iaitu kelulusan itu dibuat tetapi ...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak boleh, Yang Berhormat. Akan tetapi – saya tidak kaitkan Menteri KASA. Saya hendak sebutkan proses itu diluluskan. Ada rekodnya, ada suratnya diluluskan. Tidak semuanya daripada Menteri tetapi diluluskan dan saya tahan. Hal ini kerana apabila diadakan rundingan dalam tempoh seminggu dua ini, kita boleh jimatkan hampir RM1 bilion... [Tepuk]

Mengikut Kementerian Kewangan, daripada awal minimum RM1 bilion sehingga proses rundingan tertakluk kepada beberapa tahap jadual kerja dan kadar pembayaran- sehingga RM2 bilion. Cuba Yang Berhormat faham, mengapa saya berkeras soal ini. Daripada RM15 bilion, boleh diijimatkan hampir RM2 bilion kerana kita hentikan amalan rundingan terus ini.

Kadang-kadang rundingan terus ini apabila disemak; syarikat menantu, syarikat anak, syarikat kroni. Ini yang hendak kita banteras. Ini bukan kenyataan melulu. Saya sebut di sini, di Parlimen- setelah meneliti. Jadi soal bersih ini, tidak ada bersih. Banyak juga yang kotor.

Tuan Yang di-Pertua, hal yang lain seperti OKU yang diluluskan dahulu kita teruskan. Saya tidak mahu ada masalah kompleks. Ada yang mengatakan ini cadangan lama, tidak. Saya tidak ada masalah.

■1050

Apa sahaja cadangan pentadbiran yang dahulu, termasuk oleh Yang Berhormat Bera yang baik, kita teruskan tanpa masalah. Terima kasih Yang Berhormat Bera. Insentif juga diteruskan. Walaupun saya kurang suka dengan istilah insentif ini. Oleh sebab insentif ini selalu berkait syarikat besar. Industri diberi insentif, orang kampung diberi subsidi. Akan tetapi kalau ikutnya, sama sahaja kemudahan itu. Jadi saya tidak tahu, saya kena reka istilah lain supaya tidak nampak ada.

Beberapa langkah yang kita lakukan ini untuk mengurangkan jurang pendapatan miskin dan kaya. Keduanya jurang kota atau bandar dan desa. Oleh sebab itu dalam Jawatankuasa MA63 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita akan membuat sesuatu keputusan yang agak drastik yang belum dilakukan sebelum ini iaitu menyerahkan langkah pelaksanaan kepada negeri-negeri khususnya Sabah dan Sarawak untuk mempercepatkan proses kelulusan.

Ini akan dibincangkan di Jemaah Menteri esok dan kalau dipersetujui, kita akan umumkan untuk menyelesaikan babak lama yang berlanjutan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Tanah Melayu. Jadi sekali lagi saya tegaskan hal yang terperinci akan dibincangkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat ini orang lama, tahu Usul Menteri tidak ada perbincangan sehingga Menteri habis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, *point of order*.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order* mana Yang Berhormat Arau? *Point of order* yang mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 36(12).

Tuan Yang di-Pertua: Ah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 36(12). Yang Berhormat, saya sudah hafal buku ini... *[Sambil menunjukkan buku Point of Order]* 36(12).

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak dengar tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 36(12). Saya hendak minta penjelasan, tidak boleh, oleh sebab ini Usul yang tidak boleh dibahaskan. Jadi saya minta maaf Yang Berhormat, jadi saya masuklah di bawah *point of order* iaitu beberapa kenyataan yang mengelirukan. Yang pertama Yang Berhormat, Yang Berhormat menyebut bahawa amalan tender runding terus tidak akan dibuat. Saya setuju, tidak ada masalah, tetapi Yang Berhormat kena pinda semua sekali *Financial Procedure Act* yang mana kerja-kerja yang perlu disegerakan terutamanya yang berhubung dengan bencana. Kenyataan Yang Berhormat nanti menyebabkan agensi kerajaan akan terpegun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya sudah bagi tahu tadi, kalau pergi Pasir Mas, ada jambatan roboh, kita luluskan segera. Itu boleh. Saya sudah bagi tahu, dengar betul-betul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kalau tidak dengar, tanya Yang Berhormat Pasir Mas, saya sebut tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Amalan seperti mana yang berlaku, tebatan banjir di Wilayah Persekutuan, RM500 juta mesti dihentikan... [Tepuk]

Tuan Mohd Sany bin Hamdan [Hulu Langat]: Duduk, duduk, duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Baik, saya sudah hendak tamat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau duduk, Yang Berhormat Arau duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau sudah dapat penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Jangan, jangan, jangan. Saya tidak mahu Majlis ini menjadi begitu seperti mana dilakukan Ketua Pembangkang. Saya tidak mahu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat lagi sekali...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya hendak sebut sini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat telah menyebut perkara yang seolah-olah mencabar. Yang Berhormat tidak boleh buat macam itu. Sekarang ini tebatan banjir sebab ada peraturan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi sekarang ini kalau dia orang hendak belanja untuk beli pam dan sebagainya sebagai contoh, tidak akan salah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak apalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat macam menuduh saya sesuatu Yang Berhormat, tidak betul.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya kata...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Yang Berhormat tuduh, macam itu, kita lawan korek sekarang, tidak ada masalah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya akan korek juga ini, banyak. Yang Berhormat tidak boleh buat macam itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak ada perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, ini bukan perbincangan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, bukan saya bahas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau tanya penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sebut perkataan, "Wilayah Persekutuan". Ini *tie* Wilayah Persekutuan tahu... [Sambil menunjukkan *tie* beliau]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Baik, terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau tanya...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ini sebab saya sebut Wilayah Persekutuan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, tidak betul. Saya bukan-saya terpesona, saya sokong Yang Berhormat. Yang Berhormat berucap, saya seronok. Saya hendak minta penjelasan tidak boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah bagi penjelasan tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Yang Berhormat tiba-tiba menyebut perkataan, "Wilayah Persekutuan". Saya buat apa Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan sudah diberikan Yang Berhormat Arau. Arau sila...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, satu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Okey, terima kasih. Saya pun hendak rumuskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang lain lain diam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya hendak rumuskan. Saya kata amalan itu walaupun Yang Berhormat Arau ada benda ini maknanya kadang-kadang boleh dibuat rundingan terus. Dibolehkan, tetapi saya kata saya hendak hentikan. Oleh sebab apa saya hendak hentikan walaupun dibolehkan macam tepatan banjir. RM15 bilion, boleh dijimatkan RM2 bilion. Kalau masalah jangka waktu yang panjang, kita boleh percepatkan. Kalau tidak ada tender terbuka, kita ada tender terhad.

Ada hal-hal yang boleh kita lakukan dengan maksud mengelakkan daripada ketirisan, kebocoran dan kepentingan-kepentingan orang-orang tertentu. Oleh sebab itu saya bagi contoh. Oleh sebab Yang Berhormat Arau bangun, sebab itu saya teringat Wilayah Persekutuan. Amalan itu harus dihentikan. Saya tidak kata...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, apakah dia amalan yang dibuat di Wilayah Persekutuan yang Yang Berhormat hendak suruh berhenti? Apakah dia kita buat?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya, boleh-boleh. Saya akan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, tidak boleh buat macam itu. Saya mendapat imej yang kurang bagus kepada rakyat Malaysia, tidak bagus. Yang Berhormat kena betulkan. Yang Berhormat tidak boleh buat macam itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya kata...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hari itu Yang Berhormat tuduh saya ada RM40 juta.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya kata, okey, okey. *Alright, alright.* Saya jelaskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Teraniaya saya sekarang.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Semua amalan rundingan terus akan dikaji semula dan di mana dihentikan. Okey Yang Berhormat? Baik, terima kasih. Sekali lagi saya mohon pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menimbang dan meluluskan supaya kita boleh teruskan dengan perbincangan dalam ucapan Belanjawan setelah ucapan Belanjawan awal tahun hadapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Setiausaha.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN SEMENTARA 2023

10.56 pg.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Saya mohon mencadangkan bahawa Usul atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi,

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari Lima Puluh Lima Bilion Sembilan Ratus Lima Puluh Sembilan Juta Dua Ratus Tiga Belas Ribu dan Dua Ratus Ringgit (RM55,959,213,200) dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023 untuk perbelanjaan segera bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 54 Tahun 2022, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetentangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 diluluskan.”

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada 31 Disember 2023 dibacakan kali kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Menurut Peraturan Mesyuarat 68A Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Awam) 2022 tidak boleh dibahaskan di semua peringkat.

Manakala Peraturan Mesyuarat 68B, Usul atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ini terbuka untuk dibahaskan. Perbahasan tidak boleh termasuk perkara-perkara dasar dan pentadbiran kerajaan atau tujuan-tujuan wang yang dimasukkan dalam Penyata Sementara. Jadi sekiranya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Yang Berhormat, 68B yang boleh dibahaskan, so ialah nombor dua. Yang pertama kita luluskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ya. Yang Berhormat cakap 68B ialah perkara dua tadi. Yang kedua ini. Menteri Kewangan kena bawa dahulu, kami akan bahas. Setiausaha Dewan perbetulkan.

[Setiausaha Dewan Rakyat berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba perhatikan betul-betul. Dia 'dan' itu. Makna dia sekali tahu. Dia datang sekali. Cuba baca betul-betul Yang Berhormat. Ia 'dan'...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya setuju- 68A tadi yang pertama itu kita lulus tanpa bahas. Saya cuma bangun minta tadi bahawa

Peraturan Mesyuarat. Sekarang ini Yang Berhormat Menteri Kewangan kena bawa usul kedua untuk kita bahas. Dia tidak bawa lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kalau tidak mahu bahas, kita putuskan terus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Kewangan kena bawa Usul Kedua ini bawah 68B, kami bahas. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, bukan. Tersilap, Menteri Kewangan kena bawa kalau hendak usul nombor 2 ini untuk bolehkan kita bahas. Bukan niat untuk buat apa-apa, tidak. Betulkan balik.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

■1100

Datuk Haji Awang bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Untuk emolument yang RM107 bilion, memang tidak boleh bahas. Cuma boleh tanya perincian sebab tidak ada perincian dalam pembentangan ini. Kedua, yang kita boleh bahas bukan dasar adalah pembangunan RM55 bilion yang diperuntukkan, yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tambun tadi berkenaan dengan peruntukan, itu benda dia. Jangan sampai tidak boleh— hendak terus lulus tidak boleh.

Perincian, kita hanya boleh tanya sahaja, tidak boleh hendak bahas perincian itu. Itu berkenaan dengan RM107 bilion. Kedua, RM55 bilion, itu kita boleh bahas tetapi tidak boleh menyentuh dasar, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sebab itu yang saya katakan tadi bahawa yang diminta tadi ialah sebahagian daripada perbelanjaan untuk yang akan datang. Oleh sebab itu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada masa untuk berbahas secara panjang, secara dasar apabila dibentangkan bajet *proper*. Ini ialah yang kritikal. Tanggungan-tanggungan yang terpaksa dilalui.

Jadi, kritikal untuk pastikan kelangsungan penyampaian perkhidmatan kerajaan mula pada tahun 2023. Jadi nak bahas apa? Oleh sebab apa pegawai-pegawai kerajaan hendak tunggu gaji, lepas itu tentera dan lain-lain. Jadi, kita hendak luluskan ini. Oleh sebab itu yang disebutkan tadi serentak berlaku. Silakan Setiausaha.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak buka ke bahas?

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, sebab kita hendak tahu— ini bukan Bajet 2023.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya benarkan. Sila bangun.

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini hanya mini bajet yang peruntukkan untuk emolument dan juga pembangunan yang terdesak. Jadi, oleh sebab itu kita minta berapa lama tempoh ini? Kita hendak tahu juga berapa lama tempoh sebab ia bukan Bajet 2023.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab itu sekarang ini saya hendak jemput Yang Berhormat Pagoh, silakan. Didapati telah pun nama diberikan kepada saya, silakan.

Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Peraturan, peraturan...

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hendak jelaskan kerana ini memberikan kekeliruan? Saya gabungkan, dia ada dua aspek dalam usul saya.

Pertama, yang disebut oleh Yang Berhormat Arau betul, emolument. Akan tetapi saya gabungkan anggaran perbelanjaan ini dan ingat Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2023. Jadi, digabungkan. Jadi, tidak boleh bahas yang pertama.

Tidak ada perbincangan bagi aspek yang pertama emolument itu dan ada peraturannya. Tidak boleh dibincangkan kerana ini telah ditetapkan dalam perincian iaitu dalam buku belanjawan.

Akan tetapi, boleh— selama ini dalam *precedent* kita sejak merdeka, tidak ada perbincangan untuk belanjawan ini, tidak ada. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua bagi ruang untuk perbincangan sedikit, saya tidak ada masalah. Cuma saya hendak sebut di sini *precedentnya* tidak ada perbincangan kerana pembangunan itu pun tidak ada pembangunan baharu. Ini pembangunan yang berkaitan dengan peruntukan yang ada, yang boleh dibincangkan dalam belanjawan tahun depan. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua beri ruang, saya tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini mudah sahaja. Seperti apa yang saya katakan semalam, perbincangan ini adalah sesuatu perbincangan yang baik untuk menjelaskan kepada rakyat di luar sana. Okey, oleh sebab Yang Amat Berhormat Tambun sudah gabungkan, kami di sini faham. Cuma apabila dibenarkan untuk kita membincangkan, jangan pula nanti mempersoalkan apabila kita menyentuh bab-bab yang pertama itu kerana apa yang Yang Berhormat Pendang katakan tadi, betul. Kalau ada *detailnya* depan kita tidak payahlah kita persoalkan.

Akan tetapi ramai daripada Ahli Parlimen ini, Ahli Parlimen yang baharu. Jadi oleh sebab itu pembentangan ini kewangannya untuk tahun yang ada sekarang, tetapi kalau hendak dipersoalkan saya rasa apa salahnya. Yang Amat Berhormat Tambun boleh jawab pun kerana *detail* itu sahaja. Jadi, tidak payahlah hendak kita hendak bahas bab itu. Saya rasa Yang Amat Berhormat Tambun pun terbuka dengan sifat untuk menentukan ini untuk kepentingan kita bersama. Apa salahnya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada masalah. Oleh sebab itu saya katakan tadi asalkan kita terikat kepada Peraturan Mesyuarat 68B, hal-hal yang bertanya tentang *detail* tetapi jangan bincang fasal dasar sebab dasar-dasar ini kita akan masuk ke dalam bajet yang *proper*.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak, ia mengambil masa dan tidak akan menyelesaikan masalah kerana yang kita bincangkan ini ialah *specific amount* untuk kegunaan yang terurus supaya jangan kita lewat masuk ke dalam hal.

Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk sedikit sebanyak menjelaskan. Minta penjelasan kalau boleh daripada segi bab pertama Tuan Yang di-Pertua. Apa yang apa tadi dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ialah bab kita tahu tidak perlu dibincangkan gaji. Keduanya, projek sambungan yang sudah pun diluluskan hendak supaya pembayaran dilakukan.

Jadi, persoalan dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang sebenarnya pihak mereka yang telah pun meluluskan cuma kesinambungannya. Buat apa kita hendak bahaskan projek kesinambungan? Tidak ada projek yang baharu. *So, it is quite clear* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya rasa bagi pandangan saya, tidak perlu dibincangkan kerana projek sambungan tidak ada projek yang baharu. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab itu— betul. Oleh sebab itu tidak ada projek yang baharu dan benda-benda yang amat kritikal seperti gaji dan sebagainya. Jadi saya

sudah berikan peluang tadi, sudah jelas. Cumanya saya hendak teruskan dengan—hendak bercakap?

Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya perlu sedikit petua daripada Tuan Yang di-Pertua. Tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada...

Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya perlukan petua sebab kita akan ada perbahasan. Tadi Yang Amat Berhormat Tambun ada sebut beberapa perkara yang saya rasa kalau tidak ada petua nanti akan dibawa dalam perbahasan yang akan datang. Antara lain termasuk isu berkait dengan pengampunan, ada kisah tentang telefon daripada Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya. [*Dewan riuh*]

Saya merujuk kepada Perkara 36(8) sebab ia menyentuh keputusan hakim dan mahkamah. Jadi Perkara 36(8) menyebut tentang perkara-perkara yang tidak boleh disebut antara lain tentang sifat-sifat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu dan juga hakim-hakim di dalam melaksanakan tugas di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Betul Yang Berhormat. Apa yang disebut tadi adalah rentetan sejarah. Itu bukanlah menggunakan Yang di-Pertuan Agong untuk mempengaruhi keputusan. Itu rentetan.

Datuk Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Akan tetapi itu disebut dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi saya hendak cadangkan teruskanlah, kita tidak ada masa sekarang ini.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Saya rasa beginilah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini *standing order* kah atau apa?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Saya hendak bagi pandangan kerana ada rakan dari Semporna yang minta kata ini sudah diluluskan. Betul sudah diluluskan. Cuma tadi yang saya katakan ramai juga Ahli-ahli Parlimen kita yang baharu, sebab itu mereka hendak mempersoalkan. Akan tetapi kalau tidak hendak, pada saya mudah sahaja. Apa yang kita hendak ambil hal. Saya sudah percaya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ini. Dia hebat, dia akan lakukan yang terbaik, penjelasan yang baik. Inilah yang kita hendak.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Oleh sebab itu, saya yakin usul itu usul yang baik untuk kita semua luluskan. Maka, kami di sini mencadangkan untuk usul itu diluluskan sebulat suara. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Kalau begitu...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titivangsa]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Majlis dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang dibacakan kali yang kedua diputuskan sekarang.

[*Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui*]

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ini bukan masalah. Ini bagi duit sama kakitangan kerajaan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Setiausaha.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Engkau cakap apa ini, baru *mari*. Orang sudah cakap lama dah. Apa Yang Berhormat Kinabatangan ini.

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tadi saya ingat saya hendak serah kepada Timbalan Menteri untuk sambung. Minta maaf, minta maaf.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jangan macam itu. Dia tidak layak. *[Dewan ketawa]*

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu tidak boleh, itu tidak patut. Tarik balik. Yang Berhormat Arau, kita kawan, tarik balik. Yang Berhormat Arau tarik balik Arau.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

■1110

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Bacaan Kali Yang Ketiga

11.10 pg.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada 31 Disember 2023 telah ditimbangkan dalam peringkat Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang telah diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Saya mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari Lima Puluh Lima Bilion Sembilan Ratus Lima Puluh Sembilan Juta Dua Ratus Tiga Belas Ribu dan Dua Ratus Ringgit (RM55,959,213,200) dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023 untuk perbelanjaan segera bagi maksud-maksud yang dinyatakan di dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 54 Tahun 2022, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetentangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 diluluskan.”

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berbunyi,

“Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari Lima Puluh Lima Bilion Sembilan Ratus Lima Puluh Sembilan Juta Dua Ratus Tiga Belas Ribu dan Dua Ratus Ringgit (RM55,959,213,200) dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023 untuk perbelanjaan segera bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 54 Tahun 2022, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetentangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 diluluskan.”

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, perkataan “*lebih suara tidak betul*” sebab tidak ada orang yang menentang. Sebulat suara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Setiausaha.

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983 [AKTA 275] – MEMINDAH BAKI TERIMAAN TERBITAN PELABURAN KERAJAAN MALAYSIA KEPADA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

11.14 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan supaya kerajaan memindahkan sejumlah RM35,045 juta atau RM35.045 bilion iaitu baki terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* (MGII) sebanyak RM31,834 juta atau RM31.834 bilion dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia, dengan izin, *Malaysian Islamic Treasury Bills* (MITB) sebanyak RM3,211 juta atau RM3.211 bilion di bawah seksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud kumpulan wang tersebut diluluskan.”

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan pindahan wang Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia dan Bil Perbendaharaan Malaysia ke Kumpulan Wang Pembangunan mengikut keperluan seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

Resolusi ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia, dengan izin, *Malaysian Islamic Treasury Bills* bagi tahun 2022 sebanyak RM35,045 juta atau RM35.045 bilion ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Pindahan ini dilaksanakan untuk membiayai sebahagian daripada keperluan perbelanjaan pembangunan tahun 2022— bukan tahun hadapan ya— seperti yang telah diluluskan oleh Parlimen. Parlimen ini telah luluskan pun semasa pembentangan Belanjawan 2022 pada tahun 2021.

Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu kumpulan wang amanah kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi tujuan membiayai projek pembangunan. Sumber dana akaun Kumpulan Wang Pembangunan (KWP) diperoleh melalui pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan, terimaan balik pinjaman dan terimaan pelbagai untuk pembangunan.

Secara umumnya, pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan pula terdiri daripada terimaan Terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia, dengan izin, *Malaysia Government Securities* (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* (MGII), Bil Perbendaharaan dan pinjaman luar negeri.

Seksyen 4(b) Akta 275 memperuntukkan bahawa terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia hanya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dengan resolusi. Inilah resolusi yang saya bacakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekuriti pinjaman berasaskan prinsip syariah ini telah diterbitkan oleh kerajaan di bawah Akta 275, dan antara tujuan utama terbitan ini adalah untuk membangun dan mengembangkan pasaran kewangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya memohon mencadangkan resolusi berkaitan ketetapan pemindahan baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan

Malaysia dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia bagi tahun 2022 sebanyak RM35,045 juta ke Kumpulan Wang Pembangunan. Dimohon agar pemindahan ini diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul hari ini di nombor 2 hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

■1120

AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983 [AKTA 275] – MEMINDAH BAKI TERIMAAN TERBITAN PELABURAN KERAJAAN MALAYSIA KEPADA KUMPULAN WANG COVID-10

11.20 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Ini yang kedua dan terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Selepas ini kita boleh balik agaknya...
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan supaya kerajaan memindahkan baki Terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia atau, dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* (MGII) bagi tahun 2022 sebanyak RM16,200 juta atau RM16.2 bilion di bawah seksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] ke Kumpulan Wang COVID-19 seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19)) 2020 [Akta 830] bagi maksud kumpulan wang tersebut diluluskan”.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan pindahan Wang Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* (MGII) ke Kumpulan Wang COVID-19. Mengikut keperluan seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19)) .

Resolusi ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan baki Wang Terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, MGII bagi tahun 2022 sebanyak RM16.2 bilion ke Kumpulan Wang COVID-19. Pindaan ini dilaksanakan untuk menampung keperluan perbelanjaan kumpulan wang ini bagi tahun 2022 Tuan Yang di-Pertua. Tahun inilah. Sudah selesai pun.

Kumpulan Wang COVID-19 ditubuhkan selaras dengan peruntukan di bawah Akta 830 dan telah diwartakan pada 26 Oktober 2020 bagi membiayai pakej rangsangan dan Pelan Pemulihan Ekonomi serta perbelanjaan pembangunan. Sumber dana Kumpulan

Wang COVID-19 diperoleh melalui pindaan Terimaan Sekuriti Kerajaan Malaysia di bawah Akta Pinjaman Akta 637 serta terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia di bawah Akta 275.

Seksyen 4(b) Akta 275 memperuntukkan bahawa terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, MGII hanya boleh dipindahkan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat melalui pembentangan resolusi yang saya sedang bentangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekuriti pinjaman berasaskan prinsip syariah ini telah diterbitkan oleh kerajaan di bawah Akta 275 dan antara tujuan utama terbitan ini adalah untuk membangun dan mengembangkan pasaran kewangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon mencadangkan resolusi berkaitan ketetapan Pindahan Wang Baki Terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dengan izin, *Malaysian Government Investment Issue* (MGII) bagi tahun 2022 sebanyak RM16.2 bilion ke Kumpulan Wang COVID-19. Dimohon agar pemindahan ini diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Sim Chee Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang sekiranya ada hendak bahas, saya buka untuk perbincangan. Kalau tidak- Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa usul Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan usul-usul hari ini, di nombor 3, hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga suatu tarikh...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: *Point of order.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order.* Yang Berhormat Muar dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order* untuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, sekejap sahaja. Untuk meminta penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia kah saya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi Yang Berhormat Muar dahulu. Yang muda dahulu.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Semalam saya ada mengusulkan Usul Tergempar melalui Peraturan Mesyuarat 18(1) dan 18(2), berkenaan perbincangan berkenaan isu banjir di Pantai Timur. Baru lima minit tadi saya mendapat jawapan balas daripada Tuan Yang di-Pertua bahawa usul ini ditolak kerana faktor masa. Saya faham tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas juga apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu Ketua Pembangkang mengusulkan perkara yang sama, dia ada masalah dari sudut faktor masa. Akan tetapi kerana ini isu nasional, mendesak dan isu penting.

Walaupun tidak dapat dibahaskan di dalam Parlimen, Tuan Yang di-Pertua pada masa tersebut menggunakan kuasa bawah 16(1) untuk dibahaskan sekurang-kurangnya dalam Kamar Khas, dengan penyertaan Menteri-menteri yang berkait rapat.

Saya rasa ini merupakan isu penting, isu nasional. Isu yang melibatkan lebih 45 ribu keluarga yang teruk terkesan dengan banjir. Sudah ada kematian. Mengikut Jabatan Meteorologi, bukan sahaja 45 ribu, mungkin akan meningkat ke 10 juta- keluarga yang terkesan. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua boleh berikan kelonggaran. Kalau tidak di dalam Parlimen, sekurang-kurangnya menggunakan kuasa 16(1) untuk dibahaskan dalam Kamar Khas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Muar. Seperti yang telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi bahawa tindakan-tindakan segera telah dan sedang dan akan diambil. Satu peruntukan besar telah pun disediakan untuk membantu mangsa-mangsa banjir. Untuk itu, saya ingat benda-benda ini agak selari dengan apa yang difikirkan oleh Yang Berhormat Muar. Terima kasih Yang Berhormat. Tindakan telah diambil.

Ya, Yang Berhormat Arau. Anak muda kedua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas usaha-usaha dan tindakan kerajaan. Cuma untuk Tuan Yang di-Pertua, saya nama Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim. Akan tetapi ditulis di situ "BEBAS – Arau". Saya "PAS", daripada Perikatan Nasional... [Ketawa] [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selepas itu, gambar saya tidak ada. Di sini ada gambar... [Merujuk plak di meja] Di sini gambar hantu... [Merujuk paparan skrin komputer] Jadi Yang Berhormat, tolong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengan ini mengarahkan Setiausaha Dewan Rakyat untuk mengambil tindakan serta-merta atas keresahan dan kekecewaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih. Dengan ini, rakyat Malaysia berpuas hati lah... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Baik Yang Berhormat sekalian...

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]: Ipoh Barat. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 41 iaitu semalam Yang Berhormat telah membuat keputusan supaya kita pada hari ini boleh datang tanpa memakai *tie*...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]: Saya rasa itu merupakan satu tindakan yang bagus dan menyenangkan kita semua. Saya harap perkara ini dapat diambil kira oleh Yang Berhormat supaya pada sesi-sesi yang akan datang ini akan dibenarkan. Saya juga berharap satu tindakan diambil supaya ini adalah seperti yang diguna pakai di beberapa negara di rantau Asia yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya nampak Yang Berhormat Ipoh Barat pun kacak tanpa *tie* hari ini. Saya yakin, *insya-Allah* saya akan pertimbangkan untuk beginilah keadaannya semasa kita bersidang nanti. Untuk itu, saya ucap terima kasih.

Ya, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, Yang Berhormat tolong buat perbandingan sedikit. Apa yang saya tengok, di antara negara yang mengamalkan tidak pakai *tie*, pakai *track suit* ialah Israel dan juga Singapura. Negara-negara lain masih mengamalkan cara yang saya pakai, macam kami semua pakai ini. Cukup tertib.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi banyak juga negara Arab yang tidak pakai Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Arab banyak tidak pakai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua dengan kami semua tertib. Puak-puak ini saya tidak tahu. Jadi, saya minta Yang Berhormat, tolong buat perbandingan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: *Insyah-Allah.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selepas itu kita perkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua: *Insyah-Allah.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat, seperti yang dikatakan, kita tangguh hingga suatu tarikh yang ditetapkan.

Selamat pulang. Memandu berhati-hati kepada teman-teman di Pantai Timur, air makin naik. Berhati-hati di jalan raya. *Insyah-Allah* kita berjumpa dalam sesi yang akan datang.

Sekian. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.28 pagi]